

## **KOLABORASI DALAM PROSES PENGINTEGRASIAN ILMU NAQLI DAN AQLI MELALUI PENDEKATAN “LESSON STUDY”**

Siti Rashidah binti Abd.Razak

Zetty Nurzuliana Rashed

Norshilawani Shahidan

Ahmad Shafiq b. Mat Razali

*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*

Zanaton Hj Iksan

Sri Andayani Binti Mahdi Yusuf

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

### **ABSTRAK**

*Pengintegrasian ilmu naqli dan aqli sewajarnya menjadi amalan guru dalam pengajaran dan pembelajaran dalam semua disiplin ilmu. Kejayaan dalam mengintegrasikannya bergantung kepada sejauhmana kedua-dua ilmu ini dikuasai oleh pendidik. Namun demikian terdapat kekangan dari sudut ilmu dan maklumat bagi para guru. Bagi memperoleh kedua-dua ilmu dari pelbagai disiplin ilmu khususnya pendidikan Islam dan Sains, maka pendekatan secara kolaboratif menggunakan Kajian Pembelajaran (Lesson Study) disarankan. Lesson study terdiri daripada empat langkah utama iaitu pembentukan kumpulan komuniti, penyediaan rancangan pengajaran, pengajaran di kelas terbuka dan rekfleksi pengajaran. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneroka kolaborasi guru pendidikan Islam dan Sains dalam mengintegrasikan ilmu naqli dan aqli dalam kedua-dua disiplin ilmu tersebut. Kajian telah dijalankan di Maahad Tahfiz Integrasi Sains di Selangor dan peserta kajian terdiri daripada pentadbir sekolah dan guru Pendidikan Islam (Syariah Islamiyyah) dan guru Sains (Biologi) yang mengajar tingkatan lima. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan permerhatian dan temubual untuk mengumpul data. Dapatkan kajian menunjukkan bagaimana guru berkolaborasi dalam proses melaksanakan Lesson Study. Kajian ini diharap akan dapat menjadi panduan kepada guru-guru pendidikan Islam dan Sains ke arah memperkasakan lagi persediaan pengajaran mereka ke arah mengintegrasikan ilmu naqli dan aqli. Kolaborasi antara guru-guru pendidikan Islam dan guru-guru Sains adalah perlu bagi menterjemahkan sesi pengajaran yang lebih bermakna mengikut kepada konsep kesepadan ilmu naqli dan aqli.*

**Kata Kunci:** *Naqli, Aqli, Lesson Study, pengintegrasian, kolaborasi*

### **PENDAHULUAN**

Dewasa ini ramai dalam kalangan ibu bapa yang memilih untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah berasaskan pendidikan Islam dan Sains. Justeru permintaan yang semakin meningkat, maka banyak pihak telah tampil untuk menawarkan pelbagai jenis sistem dan kurikulum pendidikan Islam dan tahfiz. Di negeri Selangor, pendidikan Islam dan tahfiz sangat giat ditawarkan sama ada oleh pihak kerajaan melalui Jabatan

Agama Islam Selangor (JAIS) mahupun persatuan tahniz dan orang perseorangan. Penulisan ini membincangkan tentang Sistem Pendidikan Integrasi Dan Holistik Negeri Selangor (IHES) yang merupakan salah satu tonggak utama yang ditawarkan bagi bidang tahniz. Memandangkan keperluan pasaran serta tuntutan semasa maka Sistem Pendidikan Integrasi Dan Holistik Negeri Selangor (IHES) dilihat amat bertepatan dengan permintaan untuk melahirkan pelajar yang mendalami al-Quran dalam masa yang sama dibentuk dengan kurikulum yang seimbang dan menyeluruh melalui pengintegrasian potensi insan, kepelbagaiannya kurikulum dan media. Dalam penulisan ini, penulis menerangkan bagaimana proses pelaksanaan Kajian Pembelajaran (*lesson study*) telah dijalankan. Sebuah sekolah telah dijadikan sebagai sampel kajian iaitu Maahad Tahniz Integrasi Sains di Jugra. Para pengkaji membuat pemerhatian dengan menerapkan pendekatan *Lesson Study* sepanjang kajian dilakukan. Maahad Tahniz Sains ini adalah sekolah yang menggunakan aliran kurikulum tahniz sains sepenuhnya. Pengambilan murid dari latar belakang keputusan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) yang cemerlang merupakan asas untuk diterima masuk di samping temuduga khas untuk kemasukan. Selain itu keputusan Peperiksaan Sekolah Rendah Agama (PSRA) yang baik juga merupakan asas utama pemilihan murid. Atas dasar pemilihan murid yang cemerlang dari sudut akademik dan agama, pengkaji menjangkakan kurikulum dan sistem yang ditawarkan ini berjaya diikuti dengan baik oleh murid yang terpilih.

## DEFINISI NAQLI DAN 'AQLI DALAM INTEGRASI SAINS

### a. Naqli

Naqli menurut bahasa adalah dari (نَقْلُ الشَّيْءِ) iaitu mengambil sesuatu dari satu tempat ke tempat lain atau (نَقْلُ الْحَدِيثِ) iaitu mereka yang menuliskan hadis-hadis dan menyalinkannya dan menyandarkannya kepada sumber-sumbernya. Ia bermaksud mana-mana sandaran sumber yang diceluk atau diambil daripada sumber al-Quran mahupun hadis sebagai sumber rujukan.

Di antara landasan utama yang telah ditetapkan dan diiktiraf sebagai dalil naqli oleh para ulama adalah berpandukan kepada sepotong hadis:

تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرِيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَسْأَلُتُمْ بِهِمَا كِتَابُ اللَّهِ وَسُنْنَةُ نَبِيِّهِ

Maksudnya: "aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, apabila engkau berpegang kepada keduanya maka engkau tidak akan tersesat selama-lamanya iaitu Kitab Allah (al-Quran) dan Sunnah Nabi-Nya" (HR Imam Malik. No. 3338)

Kesimpulan daripada hadis di atas menunjukkan bahawa dalil naqli yang menjadi sumber rujukan umat Islam ialah al Quran dan Hadis. Walaupun kedudukan al-Quran berada pada tahap pertama dan hadis atau sunnah Rasul S.A.W adalah sumber rujukan umat Islam kedua setelah al-Quran, namun kedudukannya dalam Islam adalah sesuatu yang tidak dapat diragukan kerana terdapat penegasan yang banyak di dalam al Quran tentang sunnah tersebut, bahkan di dalam beberapa tempat sunnah disebutkan bersamaan dengan al Quran dan disebutkan juga ketaatan terhadap Rasulullah S.A.W setelah ketaataan kepada Allah S.W.T.

## b. 'Aqli

Perkataan 'aqli dari sudut bahasa berasal dari kata bahasa Arab (عقل) yang mempunyai beberapa maksud (al-Buraikan: t.th), antaranya:

1. (الدِّيَة): denda,
2. (الْحِكْمَة): kebijakan dan
3. (حُسْنُ التَّصْرِيف): tindakan yang baik atau tepat.

Dari sudut istilah pula, ia bermaksud pengetahuan dasar yang rasional bagi setiap manusia (Muhammad Aman. T.th).

Namun demikian, ketika ilmu naqli dihubungkan dengan ilmu sains (Aqli), apa yang ditemui oleh para saintis hanya berdasarkan rasional akal dan fikiran semata-mata sedangkan rahsia dan rahmat Allah S.W.T itu tidak terjangkau dengan akal fikiran melainkan dengan izin Allah S.W.T. Menurut Sulaiman Nordin (2010) beliau menyatakan bahawa pengkajian dan pemikiran secara saintifik atas alam tabii adalah suatu cara dalam Islam untuk mengenal Allah S.W.T sebagai Pencipta seluruh alam. Melalui sistem pendidikan ilmu yang bersepadan pengkajian sains boleh menerapkan sifat tafakkur, berfikir secara mendalam dan kritis serta melahirkan manusia yang beriman. Oleh itu, dalam bab ini dapat disimpulkan bahawa ilmu naqli yang dinyatakan dalam kajian ini adalah merujuk kepada al-Quran manakala ilmu aqli pula adalah ilmu yang terdiri daripada pelbagai disiplin ilmu khususnya ilmu sains tauhid, sains kemasyarakatan dan sains tabii. Dalam masa yang sama pelajar yang bakal dididik akan sentiasa menghubungkan jiwa mereka untuk mentadabbur al-Quran melalui konsep yang diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran berteraskan ilmu aqli dan naqli. Allah telah berfirman;

وَسَخَّرَ لَكُمُ الْأَلَيْلَ وَالنَّهَارَ وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ وَالنُّجُومُ مُسَخَّرَاتٍ بِأَمْرِهِ إِنَّ  
فِي ذَلِكَ لَا يَتِي لِقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿١٢﴾

*Maksudnya: "Dan Dia menundukkan malam dan siang, matahari dan bulan untukmu. Dan bintang-bintang itu tunduk (untukmu) dengan Perintah-Nya. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar ada tanda-tanda (kekuasaan Allah bagi kaum yang memahami-Nya). (Surah An-Nahl:12).*

## PENGINTEGRASIAN ILMU DALAM PENDIDIKAN

### Pengintegrasian Ilmu

Konsep integrasi atau kesepadan ini berkait dengan satu himpunan konsep hubungkait, cantuman, saling hubungan, gabung jalin, penyambungan, kesinambungan, penyelarasian, pertalian, perkaitan, interaksi, kerjasama, merentas disiplin, kesalingbergantungan dan penyatuhan (Ingram 1979) dalam Noor Hisham (2015). Konsep integrasi atau holistik ini berbeza sama sekali dengan takrifan Barat. Dalam Islam, konsep integrasi ini berpaksikan

prinsip tauhid, manakala konsep integrasi Barat pula berpaksikan perspektif sekular dan materialis.

Pengintegrasian ilmu atau pendidikan bersepadu menurut Syed Naquib Al-Attas (1981) dikenali sebagai konsep pendidikan bersepadu apabila beliau mula memperkenalkan konsep ‘pengislaman ilmu’. Menurut al-Attas, ilmu terbahagi kepada dua bahagian iaitu ilmu yang diberi oleh Allah S.W.T dan ilmu yang diperolehi oleh insan berdasarkan kepada usaha aqliahnya sendiri. Al-Faruqi (1989) juga menjelaskan pengislaman ilmu pengetahuan adalah penting sebagai satu gerak kerja bagi menyatupadukan kedua-dua sistem pendidikan iaitu moden dan Islam. Di mana-mana bidang ilmu sama ada pemikiran, kemanusiaan, sains kemasyarakatan ataupun sains tulen perlu diberi satu perubahan yang menyeluruh dengan diberikan dasar Islam, diletakkan matlamat yang selaras dengan Islam, disusun semula dengan menerapkan prinsip-prinsip Islam dalam kaedah, strategi, data, masalah, objektif serta aspirasinya. Al-Attas dan Al-Faruqi (1982) juga menjelaskan peranan Islamisasi ilmu menangani permasalahan dualisme yang menguasai pemikiran dan kehidupan masyarakat Islam.

Berdasarkan Forum Pendidikan Bersepadu (1984), Tajul Ariffin dan Abdul Raof Dalip (1986) merumuskan takrif pendidikan sepadu sebagai pendidikan yang bersumberkan al-Quran dan Hadith di samping adanya integrasi disiplin-disiplin ilmu ke arah membina komuniti ummah yang berteraskan akidah.

Abd. Halim El-Muhammady (1985) telah menjelaskan bahawa pendidikan bersepadu merupakan satu proses mendidik dan melatih aqliah, jasmaniah dan rohaniah manusia berdasarkan kepada nilai-nilai Islam bersumberkan wahyu Allah S.W.T iaitu al-Quran dan as-Sunnah bagi melahirkan manusia yang bertakwa dan mengabdikan diri kepada Allah S.W.T. Manakala Shahrir Mohd Zain dan Abd. Latif (1987) telah menyatakan bahawa pendidikan sepadu sebagai ‘pendidikan yang terkamir’ yang bermaksud pendidikan yang menekankan kepada kesatuan ilmu pengetahuan dan bukannya pendidikan yang khusus dan sempit. Dengan adanya usaha menjaga kepentingan jasmani dan rohani, penerapan ilmu dan pembentukan sikap, seseorang itu menjadi insaf serta dapat berfikir dengan matang sesuai dengan fitrahnya yang suci. Tuntutan Allah S.W.T supaya ilmu dan pemikiran manusia diintegrasikan dengan iman kepada Allah S.W.T adalah bertujuan membolehkan para ilmuwan, para sarjana, pemikir dan intelektual membangunkan diri, masyarakat dan alam ini selaras dengan usaha mengabdikan diri kepada Allah S.W.T serta menyempurnakan amanah sebagai khalifah Allah S.W.T (Mohd Kamal Hasan, 1985).


Kemudiannya Tajul Ariffin (1988) mentakrifkan pendidikan sepadu sebagai gabungan pendidikan moden dan pendidikan Islam tradisional. Pendidikan sepadu dikaitkan dengan keperluan manusia untuk menjalinkan hubungan secara vertikal (Tuhan) dan horizontal (sesama manusia dan dirinya sendiri serta makhluk lain). Untuk itu, manusia perlu mempelajari ilmu agama, ilmu kemanusiaan dan ilmu sains tabii. Ketiga-tiga jenis ilmu ini penting bagi membolehkan manusia menjayakan perhubungan yang betul dan harmonis dengan Tuhan Maha Pencipta, dirinya sendiri dan manusia lain serta alamnya.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan pemerhatian dan temubual untuk mengumpul data. Kajian ini telah dijalankan di sebuah Maahad Tahfiz Sains dan peserta kajian terdiri daripada lima orang guru yang terdiri daripada tiga orang guru Sains dan dua orang guru Pendidikan Islam. Kajian ini diharap akan dapat menjadi panduan kepada guru-guru pendidikan Islam dan Sains ke arah memperkasakan lagi persediaan pengajaran mereka dalam mengintegrasikan ilmu naqli dan aqli. Kolaborasi antara guru-guru pendidikan Islam dan guru-guru Sains adalah perlu untuk menterjemahkan sesi pengajaran yang lebih bermakna mengikut kepada konsep kesepadan ilmu naqli dan aqli. Sistem Pendidikan Integrasi Dan Holistik Negeri Selangor (IHES).

## Sistem Pendidikan Integrasi dan Holistik (IHES)

Sistem Pendidikan Integrasi dan Holistik (IHES) yang dibangunkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) ini merupakan satu sistem yang membantu sistem Pendidikan Islam di negeri Selangor. Sistem ini diamalkan di kedua-dua maahad tahfiz sains ini sebagai nilai tambah sistem pendidikan kebangsaan yang sedia ada. Sistem ini juga merupakan suatu pendidikan yang sepadu, seimbang dan menyeluruh melalui pengintegrasian potensi insan, kepelbagaiannya kurikulum dan media bagi mencapai visi, misi, matlamat, objektif dan falsafah pendidikan. Bahagian Pendidikan Islam JAIS berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah untuk melahirkan hamba Allah S.W.T yang direhdhai. Budaya amalan pengajaran dan pembelajaran yang berterusan berteraskan al-Quran dan as-Sunnah yang merupakan asas kepada kewujudan keberkatan dalam kehidupan manusia di samping penerapan teori pembelajaran dari pelbagai sumber. Rajah 1.0 menunjukkan Model Pendidikan Bersepadu dan Menyeluruh (IHES) bagi sistem ini.



Rajah 2.4 Model Pendidikan Sepadu dan Menyeluruh (IHES)

Sumber: Bahagian Kurikulum JAIS 2014

Pelaksanaan sistem IHES ini adalah berdasarkan kepada budaya amalan pembelajaran berteruskan berteraskan al-Quran dan as-Sunnah yang merupakan asas kepada kewujudan keberkatan dalam kehidupan manusia di samping penerapan teori pembelajaran dari pelbagai sumber.

Di samping itu terdapat tiga bentuk pendekatan yang digunakan dalam sistem IHES ini iaitu 1; arahan (instructional), 2; kajian dan penyelidikan (investigational), 3; penghayatan

(immersion). Manakala terdapat lima proses pendidikan yang berterusan dan konsisten iaitu pertama pengajaran dan pembelajaran kedua bimbingan dan pembelajaran, ketiga adalah latihan dan pembelajaran, keempat adalah nasihat dan pembelajaran dan yang kelima adalah rundingan dan pembelajaran.

Dalam aspek pentaksiran dan penilaian sistem IHES ini bukan semata-mata berfokuskan kepada peperiksaan tetapi memberi tumpuan dan fokus yang bersepadu, seimbang lagi menyeluruh dalam membentuk kemenjadian generasi al-Quran yang berasaskan akidah yang mantap. Antara aspek-aspek yang dititikberatkan adalah pertama berkaitan dengan penghayatan ilmu, kedua adalah pembentukkan akhlak mulia, ketiga adalah peningkatan kecekapan dan kemahiran, keempat adalah pencapaian akademik manakala yang terakhir adalah aplikasi dalam kehidupan.

Dalam sistem ini terdapat beberapa modul yang disediakan untuk pembangunan profesionalisme guru antaranya seperti:

1. Program latihan pengenalan Sistem Pendidikan Integrasi dan Menyeluruh (IHES) Program ini membincangkan tentang sistem IHES yang merangkumi dari aspek matlamat, keperluan, visi, misi dan falsafah pembentukan sistem ini yang memberi nilai tambah kepada sistem pendidikan JAIS.

## 2. Program Mengenal Diri

Program ini disusun bagi membuka ruang untuk guru-guru mensyukuri kejadian sebagai hamba Allah S.W.T di muka bumi sebagai ciptaan Allah S.W.T yang terbaik. Program ini juga mengajak bermuhasabah tentang kelebihan dan kesilapan diri serta berusaha memperbaiki diri guru agar menjadi lebih baik dari hari ke hari.

## 3. Program Craftmanship dalam Berfikir

Melalui program-program ini diharapkan setiap guru dan staf memahami visi dan misi institusi serta matlamat sebenar pendidikan Islam. Kefahaman ini perlulah berdasarkan definisi Pendidikan Islam dari sumber al-Quran dan as-Sunnah. Guru-guru juga diharapkan berfikir secara kritis dan kreatif dalam merancang setiap gerak tindakan mereka sejajar dengan falsafah, matlamat, definisi dan hala tuju pendidikan JAIS.

## 4. Program Quranic Generation Development Programme

Ia memberi fokus kepada menjana generasi al-Quran yang berteraskan kepada kemenjadian (Outcome Based Learning) yang membudayakan amalan pembelajaran (Learning Practice) berterusan berbanding hanya teori pembelajaran merupakan pelengkap dan tambah nilai kepada sebahagian sistem pendidikan yang berfokuskan kepada peperiksaan atau kecemerlangan akademik. Di samping itu matlamat dan objektif program ini adalah untuk melahirkan generasi al-Quran yang mempunyai tujuh ciri atau sifat kemenjadian iaitu:

1. Tauhid atau akidah sebagai asas kehidupan yang direhdhai Allah S.W.T
2. Tazkiyah iaitu mempunyai hati yang kembali kepada fitrah.
3. Hikmah iaitu kesesuaian dengan al-Quran dan as-Sunnah.
4. Istiqamah adalah berpendirian teguh, stabil dan mantap.
5. Muamalah adalah individu yang berkemahiran komunikasi dan interaksi.

6. Deen adalah individu yang menjadi Islam sebagai sistem kehidupan yang lengkap.
7. Amanah kepada matlamat dan peranan hidup.

### **Pendekatan *Lesson Study***

Pengintegrasian ilmu aqli dan naqli merupakan satu tuntutan dan perkara ini selari dalam Falsafah Pendidikan Negara yang memberi penekanan kepada pengintegrasian ilmu secara holistik. Dalam konteks pelajar tahfiz, mereka menerima kedua-dua ilmu melalui kurikulum akademik, kurikulum diniah dan kurikulum tahfiz. Namun, kurikulum ini disusun secara terpisah mengikut mata pelajaran yang telah ditetapkan. Oleh itu, pengintegrasian dan penyepaduan ilmu perlu dilakukan oleh pendidikan iaitu guru sebagai pelaksana kepada kurikulum itu.

Bagi mengintegrasikan ilmu, pendidik perlu menguasai kedua-dua ilmu iaitu ilmu aqli dan naqli di samping kemahiran pedagogi dalam melaksanakan pengintegrasian ini. Namun, masalah yang dihadapi ialah pendidik dalam bidang Pendidikan Islam berkemungkinan kurang mampu untuk menguasai ilmu sains secara lebih mendalam. Begitu juga dengan pendidik dalam bidang Pendidikan Sains, mereka pula kurang berkemampuan dalam penguasaan ilmu Naqli. Masalah ini boleh diatasi melalui pendekatan *Lesson Study* (Zanaton H. Iksan, Md Noor Saper, & Zetty Nurzuliana Rashed, 2016).

Pendekatan Lesson Study memberi penekanan kepada kolaborasi antara guru melalui Komuniti Pembelajaran Profesional (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011). Dalam hal ini, kolaborasi membantu guru dalam mengintegrasikan ilmu naqli dan aqli dalam kedua-dua bidang ilmu iaitu Pendidikan Islam dan Sains. Lesson study terdiri daripada empat langkah asas iaitu pembentukan kumpulan komuniti, merancang pengajaran, pelaksanaan pengajaran secara kelas terbuka dan refleksi (Lewis & Hurd, 2011; Stepanek, 2007). Namun pembentukan kumpulan komuniti menyediakan platform untuk kolaborasi antara pendidikan dalam pelbagai bidang bagi memastikan pengintegrasian ilmu (Zanaton H Iksan, Effandi Zakaria & Md. Yusoff Daud, 2014). Melalui kumpulan komuniti ini, guru pendidikan Islam dan pendidikan Sains dapat berkolaborasi dan bekerjasama dalam merancang pengajaran secara bersama (Zanaton H. Iksan et al. 2014). Hasil daripada perancangan ini akan dilaksanakan dengan pemerhatian oleh kumpulan komuniti atau guru lain bagi membantu sejauhmana pengintegrasian ilmu ini dapat dilaksanakan. Akhirnya, guru yang memerhatikan pengajaran dapat memberikan maklum balas melalui sesi refleksi. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneroka bagaimana guru berkolaborasi dalam proses pengintegrasian ilmu naqli dan aqli.

### **Pelaksanaan pendekatan *Lesson Study* di MTIS Selangor**

Bagi memastikan keberkesanannya pendekatan Lesson Study, kajian menunjukkan terdapat elemen penting dalam pelaksanaan *lesson study*. Kesemua elemen tersebut telah digunakan sepanjang kajian lesson study dijalankan di MITS Selangor ini. Elemen tersebut ialah (1) Pembentukan kumpulan komuniti (2) Penyediaan rancangan pengajaran (3) Pengajaran di kelas terbuka dan (4) Refleksi pengajaran. (Lewis & Hurd, 2011; Stepanek, 2007).

## DAPATAN KAJIAN

### Pembentukan kumpulan komuniti

Pembentukan kumpulan komuniti adalah satu elemen asas dalam pelaksanaan *lesson study*. Kumpulan komuniti ini dibentuk bagi memastikan pendekatan *lesson study* ini dapat dilaksanakan dengan baik dan lancar. Sepanjang kajian dilaksanakan di MITS di Selangor, kumpulan komuniti yang terlibat di lapangan terdiri daripada lima orang dalam kalangan penyelidik, seorang pembantu penyelidik, dua orang guru subjek iaitu seorang guru Sains dan seorang guru Pengajian Islam dan dua orang guru lain yang bertindak sebagai membantu dalam proses merancang isi pengajaran. Ketua pakar dari penyelidik telah memberi penerangan mengenai pembahagian tugas serta tanggungjawab setiap ahli komuniti selain seorang ketua bagi komuniti di sekolah dilantik bagi memastikan kelancaran proses bagi pihak komuniti di sekolah.

### Penyediaan rancangan pengajaran

Ketua komuniti di sekolah telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan semua ahli komuniti di sekolah. Dalam menyediakan rancangan pengajaran pihak komuniti di sekolah perlu membuat salinan silibus dan fokus kepada topik yang telah dipilih sesuai dengan minggu pembelajaran supaya tidak mengganggu rancangan pengajaran sedia ada guru yang terlibat. Semasa sesi penyediaan rancangan mengajar, komuniti di sekolah telah membuat rakaman bagi memastikan tidak ada bahagian yang tercicir semasa proses data ingin direkodkan dan dianalisis. Semasa kajian dilaksanakan, topik yang dipilih oleh komuniti sekolah adalah subjek Syariah Islamiyyah tingkatan lima dengan topik Perkahwinan manakala guru Sains yang terlibat adalah guru subjek Biologi tingkatan lima dengan topik koordinasi dan gerak balas. Sepanjang sesi penyediaan rancangan mengajar ahli kumpulan komuniti saling bertukar- tukar fikiran dan maklumat berkenaan isu- isu yang sesuai untuk diintegrasikan dalam topik yang dipilih untuk sesi pengajaran.

### Pelaksanaan Pengajaran

Para penyelidik telah hadir ke MTIS bagi mengikuti sesi pelaksanaan pengajaran. Dalam kes di MTIS ini, penyelidik telah menghadiri dua sesi pelaksanaan pengajaran iaitu kali pertama bagi subjek Pengajian Islam (Syariah Islamiyyah) dan subjek Sains (Biologi) bagi kali yang kedua. Sepanjang pelaksanaan pengajaran, penyelidik telah merekodkan pelaksanaan pengajaran para guru secara bertulis juga dengan penggunaan alat bantuan mengajar seperti kamera bervideo bagi memudahkan proses mentafsirkan data ke dalam bentuk dokumen. Sesi pengajaran turut dihadiri oleh ahli kumpulan komuniti sekolah yang lain. Walaubagaimanapun mereka lebih banyak bertindak sebagai pemerhati sepanjang proses pengajaran dilaksanakan.

### Refleksi Pengajaran

Pada setiap kali selesai pelaksanaan pengajaran para penyelidik dan ahli komuniti sekolah terlibat dalam sesi refleksi pengajaran. Sesi refleksi pengajaran dikendalikan oleh ketua pakar bidang. Semasa sesi refleksi, tiga orang penyelidik, seorang pembantu penyelidik dan empat orang ahli komuniti dari sekolah masing- masing dua dari bidang Pengajian Islam dan dua dari bidang Sains terlibat. Pakar bidang dan para penyelidik bukan sahaja memberi komen membina, bahkan berpuas hati dengan pelaksanaan kelas terbuka yang telah dijalankan. Guru yang mengajar turut memberi refleksi diri dan menyatakan perkara-perkara yang telah atau tidak dapat mereka laksanakan sepanjang semasa sesi pengajaran

berlangsung. Ahli komuniti sekolah yang lain turut memberi respon positif ke atas sesi pengajaran yang telah dilaksanakan oleh rakan setugas mereka. Pada akhir sesi, penyelidik turut menemuramah murid yang terlibat dalam sesi pengajaran dengan pemilihan secara rawak. Responden yang dipilih berpendapat pengajaran yang dilaksanakan dengan menerapkan konsep *lesson study* adalah sangat menarik dan memberi kefahaman yang lebih serta dapat melibatkan integrasi antara ilmu naqli dan aqli. Proses pengajaran secara *lesson study* ini membantu murid mengeluarkan sejumlah ayat al Quran yang telah mereka hafal dan pelajari dalam konteks ilmu sains(aqli). Ini memberi satu pengalaman baharu dan sangat baik bagi mereka.

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, kajian telah menunjukkan bahawa pendekatan *Lesson Study* dilihat bersesuaian diterapkan di Maahad Tahfiz Integrasi Sains Negeri Selangor bagi memastikan Sistem Pendidikan Integrasi Dan Holistik Negeri Selangor (IHES) dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan sistematik kerana dengan kaedah kolaborasi dilihat membantu guru dalam mengintegrasikan ilmu aqli dan naqli dalam kedua-dua bidang ilmu iaitu Pendidikan Islam dan Sains. Kaedah ini dapat meningkatkan kualiti proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di Maahad Tahfiz Sains (MTS) Negeri Selangor bagi mencapai matlamat yang disasarkan. Tanpa pendekatan *lesson study* banyak kekangan yang akan dilalui oleh para guru yang terlibat kerana masing- masing hanya mahir dalam bidang masing- masing sahaja dan tidak menguasai bidang lain secara mahir. Pendekatan ini sangat sesuai dilaksanakan kerana ia memberi nilai tambah kepada kurikulum sedia ada di samping memberi kesan positif dalam memastikan kemenjadian pelajar tahfiz yang seimbang dari sudut ilmu naqli dan aqli.

## PENGHARGAAN

Penghargaan kepada Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) 2016 Fasa 1.

## RUJUKAN

- Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam JAIS 2014  
Temubual peserta-peserta kajian di Maahad Tahfiz Sains Negeri Selangor  
al Attas, Syed Naquib. 1993. Islam dan Sekularisme,. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.  
al Faruqi, Ismail Raji.1989. Islamization of Knowledge: General Principle and Workplan.Edisi Kedua. Terjemahan Abd Hamid Abu Sulayman.Washington D.C: International Institute of Islamic Thought(IIIT).  
Kementerian Pelajaran Malaysia. 2011. Lesson Study: Pembelajaran Melalui Amalan Kolaboratif Guru. Malaysia: Bahagian Pendidikan Guru.  
Lewis, C. & Hurd, J. 2011. Lesson Study: Step by Step Portsmouth, NH: Heinermann.  
Stepanek, J., Appel, G., Leong, M., Mangan, M. T. & Mitchell, M. 2007. Leading Lesson Study. Thusand Oaks, CA: Crown Press.  
Malik Bin Anas. T.th. Al-Muwaththa. Muassasah Zaaid bin Sulthan Aal nahyaan  
Muhammad Amaan Bin Ali Al-Jaamii. Al-aqlu Wa An-Naqlu 'Inda Ibni Rusydi. Al-Maktabah Asy-Syamilah.  
Sulaiman Nordin (2010). Sains Menurut Perspektif Islam.Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.  
Zanaton H. Iksan, Effandi Zakaria & Md. Yusoff Daud. 2014. Model of Lesson Study Approach during Micro Teacing. International Education Studies, 7(13): 253-260.

- Zanaton H. Iksan, Siti Noraishah Mohd Nor, Siti Nordiyana Mahmud & Effandi Zakaria.  
2014. Applying the Principle of Lesson Study in Teaching Science. Asian Social  
Science, 10(4): 108-113.
- Zanaton H. Iksan, Md Noor Saper, & Zetty Nurzuliana Rashed. 2016. Integration of  
Tawhidic Science through Lesson Study Approach in teaching and learning  
science or Islamic study. Tinta Artikulasi Membina Ummah, 2(1): 40 – 50.